MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 55
No. 7

**31hb Mac 2011**

*TAMBAHAN No. 32*
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 100.**

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU
(PINDAAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2011**.

**Pindaan peraturan 8A**

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [*P.U. (A) 324/2004*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 8A—

*(a)* dalam subperaturan (1)—

(i) dalam perenggan *(b)*, dengan menggantikan koma dengan tanda noktah pada hujung perenggan itu; dan

(ii) memotong proviso kepada subperaturan (1);

*(b)* dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

"(2A) Walau apa pun subperaturan (2), tiap-tiap pengilang atau pengimport hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh berlakunya apa-apa perubahan kepada cukai eksais dan cukai jualan yang dikenakan ke atas suatu hasil tembakau, mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah mengenai harga jualan runcit yang disebut dalam subeperaturan (1) pada tiap-tiap kali berlakunya perubahan kepada cukai eksais dan cukai jualan.

(2B) Bagi maksud subperaturan (2A), tiap-tiap pengilang atau pengimport hendaklah menaikkan harga jualan runcit bagi tiap-tiap hasil tembakau dengan kadar sekurang-kurangnya sama dengan jumlah harga jualan runcit sebelum kenaikan harga dan dicampur dengan kuantum kenaikan jumlah cukai eksais dan cukai jualan dan jumlah itu hendaklah dibulatkan ke atas 10 sen yang terdekat.

(2C) Kuantum kenaikan jumlah cukai eksais dan cukai jualan yang disebut dalam subperaturan (2B) adalah bermakna sekiranya bagi setiap kenaikan cukai eksais dan cukai jualan 1 sen sebatang hasil tembakau, kuantum kenaikan jumlah cukai eksais dan cukai jualan adalah 1.05 sen bagi setiap batang hasil tembakau itu."; dan

*(c)* dengan memasukkan selepas subperaturan (5) subperaturan yang berikut:

"(5A) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa hasil tembakau dengan harga jualan runcit yang tidak diluluskan oleh Pengarah.".

**Pindaan Jadual Kesembilan**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kesembilan dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL KESEMBILAN

[Subperaturan 8C(1)]

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

**HARGA MINIMUM ROKOK**

| (1)<br>*Paket rokok* | (2)<br>*Harga minimum rokok* |
|---|---|
| 20 batang | RM 7.00 |

| (1)<br>*Paket rokok* | (2)<br>*Harga minimum rokok* |
|---|---|
| 21 batang | RM 7.35 |
| 22 batang | RM 7.70 |
| 23 batang | RM 8.05 |
| 24 batang | RM 8.40 |
| 25 batang | RM 8.75 |

".

**Pindaan Jadual Kesepuluh**

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kesepuluh dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL KESEPULUH

[Subperaturan 8C(2)]

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

**NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK**

<table>
<tr><th>BAHAN</th><th>BENTUK/SAIZ</th><th>PERIHAL</th><th>REKA BENTUK</th></tr>
<tr>
<td>Kertas putih atau apa-apa bahan yang sesuai</td>
<td>(a) Notis hendaklah dalam bentuk segi empat tepat<br><br>(b) Saiz minimum notis hendaklah 297 mm lebar x 210 mm panjang</td>
<td>Notis hendaklah mempunyai latar belakang putih dengan maklumat yang berikut hendaklah ditulis pada notis itu:<br><br>(a) "NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK"–<br><br>set teks hendaklah dalam warna merah dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 36 poin.<br><br>(b) "HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH" –<br><br>set teks hendaklah dalam warna hitam dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 24 poin.</td>
<td>NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK<br><br>HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH<br><br>
<table>
<tr><th>PAKET ROKOK</th><th>HARGA MINIMUM ROKOK</th></tr>
<tr><td>20 BATANG</td><td>RM 7.00</td></tr>
<tr><td>21 BATANG</td><td>RM 7.35</td></tr>
<tr><td>22 BATANG</td><td>RM 7.70</td></tr>
<tr><td>23 BATANG</td><td>RM 8.05</td></tr>
<tr><td>24 BATANG</td><td>RM 8.40</td></tr>
<tr><td>25 BATANG</td><td>RM 8.75</td></tr>
</table>
ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUM INI<br><br>NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFOLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)<br><br>ATAU<br><br>HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><th>BAHAN</th><th>BENTUK/SAIZ</th><th>PERIHAL</th><th>REKA BENTUK</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
(c) Suatu jadual harga minimum rokok:<br>
“
<table>
<tr><td>PAKET ROKOK</td><td>HARGA MINIMUM ROKOK</td></tr>
</table>
– set teks hendaklah dalam warna hitam dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial dan bersaiz 32 poin; dan
<table>
<tr><td>20 BATANG</td><td>RM 7.00</td></tr>
<tr><td>21 BATANG</td><td>RM 7.35</td></tr>
<tr><td>22 BATANG</td><td>RM 7.70</td></tr>
<tr><td>23 BATANG</td><td>RM 8.05</td></tr>
<tr><td>24 BATANG</td><td>RM 8.40</td></tr>
<tr><td>25 BATANG</td><td>RM 8.75</td></tr>
</table>
”<br>
– set teks hendaklah dalam warna merah dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial dan bersaiz 32 poin.<br>
(d) “ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUM INI”–<br>
set teks hendaklah dalam warna merah dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 28 poin.
</td><td></td></tr>
</table>

| BAHAN | BENTUK/SAIZ | PERIHAL | REKA BENTUK |
|---|---|---|---|
| | | *(e)* “**NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFOLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA) ATAU HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN**” **–**<br><br>set teks hendaklah dalam warna hitam dan dalam huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 16 poin. | |

”.

Dibuat 23 Mac 2011
[K.K.(S) 280/5/7; PN(PU$^{2}$)418/XV]

DATO’ SRI LIOW TIONG LAI
*Menteri Kesihatan*

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT (AMENDMENT) REGULATIONS 2011

IN exercise of the powers conferred by section 36 of the Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Control of Tobacco Product (Amendment) Regulations 2011**.

**Amendment of regulation 8A**

2. The Control of Tobacco Product Regulations 2004 [*P.U. (A) 324/2004*], which are referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended in regulation 8A—

*(a)* in subregulation (1)—

(i) in paragraph *(b)*, by substituting for the comma the full stop at the end of the paragraph; and

(ii) by deleting the proviso to subregulation (1);

*(b)* in subregulation (2), by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

"(2A) Notwithstanding subregulation (2), every manufacturer or importer shall, within seven days of a change in excise duty and sales tax imposed on tobacco product, submit an application in writing to the Director on the retail selling price referred in subregulation (1) every time there is a change in excise duty and sales tax.

(2B) For the purpose of subregulation (2A), every manufacturer or importer shall increase the retail selling price of each tobacco products to the rate at least be the sum of the retail selling price prior to this increment and add with the quantum of total excise duty and sales tax increased and the sum shall be rounded up to the nearest 10 cents.

(2C) The quantum of total excise duty and sales tax increased referred in subregulation (2B) means for every increase of 1 cent per stick of excise duty and sales tax on tobacco product, the quantum of total excise duty and sales tax increased shall be 1.05 cents for each stick of such tobacco product."; and

*(c)* by inserting after subregulation (5) the following subregulation:

"(5A) No person shall sell or offer for sale any tobacco product with a retail selling price not approved by the Director.".

**Amendment of Ninth Schedule**

3. The principal Regulations are amended by substituting for Ninth Schedule the following Schedule:

"NINTH SCHEDULE

[Subregulation 8C(1)]

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004

**MINIMUM CIGARETTE PRICE**

| (1)<br>*Packet of cigarettes* | (2)<br>*Minimum cigarette price* |
|---|---|
| 20 sticks | RM 7.00 |
| 21 sticks | RM 7.35 |
| 22 sticks | RM 7.70 |
| 23 sticks | RM 8.05 |
| 24 sticks | RM 8.40 |
| 25 sticks | RM 8.75 |

".

**Amendment of Tenth Schedule**

4. The principal Regulations are amended by substituting for Tenth Schedule the following Schedule:

“Tenth Schedule

[Subregulation 8c(2)]

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004

**MINIMUM CIGARETTE PRICE NOTICE**

<table>
<tr><th>MATERIAL</th><th>SHAPE/SIZE</th><th>DESCRIPTION</th><th>DESIGN</th></tr>
<tr>
<td>White paper or any suitable material</td>
<td>(a) Notice shall be in rectangular shape<br><br>(b) The minimum size of the notice shall be 297 mm in width x 210 mm in length</td>
<td>The notice shall have a white background with the following information shall be written on it:<br><br>(a) “NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK”–<br><br>the set texts shall be in red and in bold-faced lettering of Arial of 36 point.<br><br>(b) “HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH”–<br><br>the set texts shall be in black and in bold-faced lettering of Arial of 24 point.</td>
<td>NOTIS HARGA MINIMUM ROKOK<br><br>HARGA MINIMUM ROKOK YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN ADALAH<br><br>
<table>
<tr><th>PAKET ROKOK</th><th>HARGA MINIMUM ROKOK</th></tr>
<tr><td>20 BATANG</td><td>RM 7.00</td></tr>
<tr><td>21 BATANG</td><td>RM 7.35</td></tr>
<tr><td>22 BATANG</td><td>RM 7.70</td></tr>
<tr><td>23 BATANG</td><td>RM 8.05</td></tr>
<tr><td>24 BATANG</td><td>RM 8.40</td></tr>
<tr><td>25 BATANG</td><td>RM 8.75</td></tr>
</table>
<br>ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUM INI<br><br>NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFOLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)<br><br>ATAU<br><br>HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><th>MATERIAL</th><th>SHAPE/SIZE</th><th>DESCRIPTION</th><th>DESIGN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>

(*c*) A minimum cigarette price schedule:

“

<table>
<tr><td>PAKET ROKOK</td><td>HARGA MINIMUM ROKOK</td></tr>
</table>

– the set texts shall be in black and in bold-faced lettering of Arial of 32 point; and

<table>
<tr><td>20 BATANG</td><td>RM 7.00</td></tr>
<tr><td>21 BATANG</td><td>RM 7.35</td></tr>
<tr><td>22 BATANG</td><td>RM 7.70</td></tr>
<tr><td>23 BATANG</td><td>RM 8.05</td></tr>
<tr><td>24 BATANG</td><td>RM 8.40</td></tr>
<tr><td>25 BATANG</td><td>RM 8.75</td></tr>
</table>

”

– the set texts shall be in red and in bold-faced lettering of Arial of 32 point.

</td><td></td></tr>
</table>

| MATERIAL | SHAPE/SIZE | DESCRIPTION | DESIGN |
|---|---|---|---|
| | | (*d*) “**ROKOK TIDAK BOLEH DIJUAL DENGAN HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA HARGA MINIMUM INI**”– <br><br> the set texts shall be in red and in bold-faced lettering of Arial of 28 point. <br><br> (*e*) “**NO. ADUAN: 03-8883 4400 (INFOLINE, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA) ATAU HUBUNGI MANA-MANA PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG BERHAMPIRAN**”– <br><br> the set texts shall be in black and in bold-faced lettering of Arial of 16 point. | |

”.

Made 23 March 2011
[K.K.(S) 280/5/7; PN(PU[2])418/XV]

DATO’ SRI LIOW TIONG LAI
*Minister of Health*

**P.U. (A) 101.**

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

KAEDAH-KAEDAH RANCANGAN (PEMBANGUNAN) (PINDAAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 64 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267*], Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Rancangan (Pembangunan) (Pindaan) 2011**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2011.

**Pindaan kaedah 5**

2. Kaedah-Kaedah Rancangan (Pembangunan) 1970 [*P.U. (A) 7/1971*] dipinda dalam kaedah 5—

*(a)* dalam subkaedah (3), dengan menggantikan perkataan "dalam dua surat khabar tempatan, satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan" dengan perkataan "dalam empat surat khabar tempatan yang hendaklah dalam bahasa kebangsaan, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil"; dan

*(b)* dalam subkaedah (5), dengan menggantikan perkataan "empat minggu" dengan perkataan "empat belas hari".

Bertarikh 17 Disember 2010
[KWP(S): 24/PUU/698/1/1/34; PN(PU[2])396/IV]

DATUK SERI AHMAD FUAD BIN ISMAIL
*Datuk Bandar Kuala Lumpur*

Diluluskan 23 Mac 2011

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
*Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

PLANNING (DEVELOPMENT) (AMENDMENT) RULES 2011

IN exercise of the powers conferred by section 64 of the Federal Territory (Planning) Act 1982 [*Act 267*], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur with the approval of the Minister, makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Planning (Development) (Amendment) Rules 2011**.

(2) These Rules come into operation on 1 April 2011.

**Amendment of rule 5**

2. The Planning (Development) Rules 1970 [*P.U. (A) 7/1971*] are amended in rule 5—

*(a)* in subrule (3), by substituting for the words "in two local newspapers, one of which shall be in the national language" the words "in four local newspapers which shall be in the national language, English language, Chinese language and Tamil language"; and

*(b)* in subrule (5), by substituting for the words "four weeks" the words "fourteen days".

Dated 17 December 2010
[KWP(S): 24/PUU/698/1/1/34; PN(PU$^2$)396/IV]

DATUK SERI AHMAD FUAD BIN ISMAIL
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Approved 23 March 2011

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
*Minister of Federal Territory and Urban Wellbeing*

**P.U. (A) 102.**

AKTA MAKANAN 1983

PERINTAH MAKMAL YANG DILULUSKAN 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3A(1) Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Makmal yang Diluluskan 2011**.

**Makmal yang diluluskan**

2. Menteri meluluskan Makmal Pemprosesan Makanan dan Teknologi Lepastuai II, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor sebagai Makmal yang diluluskan bagi maksud Akta.

Dibuat 3 Mac 2011
[KKM-163(21); PN(PU[2])418/XV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
*Menteri Kesihatan*

FOOD ACT 1983

APPROVED LABORATORY ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by subsection 3A(1) Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Approved Laboratory Order 2011**.

**Approved laboratory**

2. The Minister approves the Laboratory of Food Processing and Postharvest Technology II, Faculty of Food Science and Technology, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor as approved Laboratory for the purposes of the Act.

Made 3 March 2011
[KKM-163(21); PN(PU[2])418/XV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
*Minister of Health*

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA